

PM mahu bioteknologi mesra alam, pengguna

Penilaian risiko mesti berasaskan fakta, bukti saintifik

SAN FRANCISCO: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Pembangunan sektor bioteknologi tidak seharusnya sampai ke tahap sehingga mengancam keselamatan orang awam ataupun alam sekitar.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah membuat kenyataan jelas berhubung perkara itu pada Mesyuarat Meja Bulat Bioteknologi 2005 yang dihadiri anggota panel penasihat antarabangsa, di sini, semalam.

Bercakap kepada sidang media pada akhir mesyuarat sehari itu, Abdullah berkata, penilaian risiko yang dihasilkan daripada bioteknologi perlu berasaskan kepada fakta dan bukti saintifik serta bukan emosi atau sensasi.

Abdullah yang mempengerusikan mesyuarat itu berkata, Malaysia mengiktiraf bioteknologi sebagai persaingan global dan negara mempunyai kelebihan kompetitifnya sendiri dan tidak akan meniru strategi negara lain.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia akan bergerak dengan pantas,

mengimbangi usaha jangka panjang dengan inisiatif yang memperlihatkan keputusannya dalam tempoh terdekat.

Sebagai contoh, katanya, Malaysia menggunakan kelebihannya dalam penyumberan luar serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sambil bekerjasama dengan makmal penyelidikan dan syarikat farmasi untuk membantu mengurangkan kos Pembangunan ubatan.

"Mesyuarat menegaskan pembiayaan perlu memahami ciri semula jadi bioteknologi bagi membuat penilaian adil risiko yang terbabit," katanya.

Mengenai isu yang disentuh pada mesyuarat itu, Perdana Menteri berkata ia merangkumi dialog menyeluruh memajukan bioteknologi Malaysia secara keseluruhannya serta perbincangan yang tertumpu kepada bioteknologi pertanian dan kesihatan.

Beliau berkata, persidangan meja bulat itu juga bersetuju dengan beberapa pandangan kerajaan sebelum ini serta melahirkan idea baru.

Abdullah berkata, mesyuarat itu turut sepakat berkaitan bahagian yang sudah dikenal pasti sebagai satu bahagian khusus strategik seperti penyelidikan bioteknologi bagi minyak sawit dan pengeluaran perkasakan bioperubatan.

Katanya, mesyuarat juga membincangkan mengenai pelbagai bidang strategik lain seperti penyelidikan bioteknologi terhadap haiwan ternakan khususnya berkaitan pemindahan penyakit daripada binatang ke-

pada manusia.

Sementara itu Perdana Menteri berkata, Malaysia akan memperkasakan modal insan dalam bidang bioteknologi terutama dalam mewujudkan saintis dan usahawan bio yang berdaya maju pada masa depan.

Beliau berkata, Mesyuarat Meja Bulat Bioteknologi akan terus diadakan pada masa depan dengan mesyuarat kedua mungkin berlangsung di Kuala Lumpur.

"Ia mungkin diadakan di Malaysia atau di sini tetapi kita mahu supaya ia dapat diadakan di Kuala Lumpur.

"Jika dapat diadakan di Malaysia, panel penasihat yang terdiri daripada tokoh pelaburan, saintis dan pakar kewangan berkaitan bioteknologi dapat didedahkan kepada banyak perkara di Malaysia," katanya.

Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis; Menteri Kesihatan, Datuk Dr Chua Soi Lek; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam. - Bernama

"Bioteknologi adalah larian secara maraton dan bukan pecutan"

**Abdullah
Ahmad Badawi**
Perdana Menteri